



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI  
MENTERI KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
(NRES)**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELUNCURAN SAMBUTAN HARI ANTARTIKA DAN  
PENGANUGERAHAN GERAN SOKONGAN PENYELIDIKAN  
ANTARTIKA YPASM 2025**

**8 DISEMBER 2025 (ISNIN) | 2.00 PETANG**

**UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN)**

**Bismillahirrahmanirrahim,**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

1. Syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan perkenan-Nya, dapat kita sama-sama berkumpul pada petang ini di Majlis Peluncuran Sambutan Hari Antartika & Penganugerahan Geran Sokongan Penyelidikan Antartika YPASM 2025. Majlis ini bukan sekadar sambutan tahunan, tetapi turut mengiktiraf kecemerlangan para penyelidik negara melalui penganugerahan geran penyelidikan yang menjadi pemangkin kepada kemajuan sains Antartika Malaysia.
2. Hari Antartika mengingatkan kita bahawa Malaysia adalah sebahagian daripada komuniti global yang memikul tanggungjawab melindungi salah satu wilayah paling sensitif dan paling berpengaruh terhadap masa depan iklim dunia. Ia juga memberi ruang untuk kita menilai semula peranan negara, menghargai sumbangan saintis kita, dan mengukuhkan komitmen terhadap kelestarian, keselamatan iklim dan diplomasi sains.

**Hadirin sekalian,**

3. Walaupun Antartika terletak 10,383 kilometer (anggaran) dari tanah air, apa yang berlaku di benua ais itu memberi kesan langsung kepada Malaysia. Perubahan yang sedang berlaku di Antartika menentukan paras laut, pola monsun, cuaca ekstrem dan kestabilan ekosistem marin di rantau kita. Hari ini, dunia

menyaksikan pencairan ais pada kadar terpantas dalam sejarah manusia, satu fenomena yang menjadi isyarat jelas bahawa perubahan iklim bukan lagi isu masa depan, tetapi isu masa sekarang yang menyentuh keselamatan, pembangunan dan kesejahteraan negara. Inilah sebabnya Malaysia tidak boleh mengambil pendekatan tunggu dan lihat. Penglibatan negara dalam penyelidikan Antartika adalah langkah strategik untuk memahami risiko, membentuk dasar yang berkesan dan memastikan generasi akan datang hidup dalam sebuah Malaysia yang lebih bersedia dan lebih berdaya tahan menghadapi perubahan iklim.

4. Melalui YPASM dan jaringan 12 universiti *Smart Partnership Initiative*, Malaysia bukan sekadar memerhati tetapi aktif meneroka sains polar. Sejak penubuhannya pada 2012, YPASM telah menyalurkan sejumlah RM11,068,055 dalam bentuk geran penyelidikan kepada seramai 96 penyelidik, menghasilkan hampir 100 penerbitan jurnal dalam bidang seperti perubahan iklim, biodiversiti, mikroorganisma ekstrem, tenaga, AI dan sains bumi. Penyelidikan ini telah mengangkat kedudukan Malaysia dari sekadar pengguna ilmu kepada penyumbang ilmu di peringkat global, termasuk langkah baharu meneroka Timur Antartika melalui kerjasama dengan Republik Belarus yang ditandatangani pada Mei tahun ini, serta menyertai ekspedisi antarabangsa bersama Türkiye. Peranan ini memperkukuh kredibiliti diplomasi saintifik negara dan mewujudkan kerjasama antarabangsa yang memberi manfaat langsung kepada pembangunan modal insan kita.

5. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada 12 penerima Geran Penyelidikan Antartika YPASM 2025; anda adalah duta ilmu Malaysia yang membawa nama negara ke salah satu wilayah sains paling kritikal di dunia. Tahun ini, YPASM telah menerima 72 kertas cadangan penyelidikan melalui sistem permohonan dalam talian buat pertama kali, dan peningkatan sebanyak 106% ini menandakan minat dan komitmen yang semakin meningkat dalam kalangan penyelidik tempatan.
  
6. Majlis hari ini juga akan menandakan pembaharuan komitmen negara melalui Perjanjian Kolaborasi di antara YPASM dan 12 universiti untuk Kitaran Ketiga *Smart Partnership Initiative* (2026–2030). Pembaharuan ini bukan sekadar menandatangani dokumen, tetapi perjanjian bersama untuk meneruskan usaha memperkukuh penyelidikan, mengembangkan bakat dan memperluas kolaborasi serta jaringan antarabangsa. Saya menggalakkan semua universiti yang terlibat agar memanfaatkan sepenuhnya platform ini untuk melahirkan lebih ramai penyelidik muda dan membuka ruang kerjasama yang lebih luas dengan komuniti saintifik dunia.
  
7. Di kesempatan ini juga, saya amat menyambut baik kerjasama baharu yang dijalin antara YPASM bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui inisiatif Rakan Muda Bumi@Antartika yang dilancarkan hari ini. Inisiatif ini akan memberi ruang kepada anak muda Malaysia untuk mendekati isu perubahan iklim dan memahami hubung kait antara Antartika dan negara kita, dan mungkin suatu hari turut menyertai penyelidikan antarabangsa, termasuk ekspedisi ke Antartika.

8. Saya difahamkan, bermula tahun 2026, penyelidik yang pulang dari ekspedisi Antartika akan dapat mengakses peruntukan KBS melalui Sekretariat Rakan Muda di universiti masing-masing bagi menjalankan program kesedaran dan pendidikan di sekolah serta kampus. Saya percaya apabila kita memberi peluang dan inspirasi kepada anak muda, mereka bukan sahaja akan memahami isu global tetapi mereka akan memimpin perubahan di peringkat nasional.
  
9. Saya juga dimaklumkan bahawa YPASM dengan sokongan dari Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sedang merancang untuk merangka *Pelan Hala Tuju Strategik Program Antartika Malaysia 2027–2036*, yang akan menjadi panduan nasional untuk memperkukuh penyelidikan, diplomasi dan pembangunan bakat dalam bidang sains kutub. Pelan ini akan membantu Malaysia memenuhi syarat ke arah status *Consultative Party di Antarctic Treaty*, mengukuhkan kerjasama antara universiti, agensi kerajaan dan rakan antarabangsa, serta memastikan penyertaan negara dalam platform penting seperti ATCM, CEP, SCAR dan AFoPS lebih tersusun dan berimpak. Dengan hala tuju ini, besar harapan kita supaya Malaysia berada pada landasan kukuh untuk memainkan peranan yang lebih signifikan dalam sains Polar dan menyumbang kepada pemahaman global mengenai iklim dan masa depan bumi kita.

**Hadirin yang dihormati,**

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin selaku penaung YPASM atas sokongan berterusan Tuanku terhadap pembangunan sains Antartika negara. Terima kasih juga kepada TNB atas sumbangan, UNITEN atas kesudian menjadi tuan rumah, serta semua rakan universiti, penyelidik dan pelajar yang terus menjayakan program-program di bawah YPASM.
  
11. Semoga Sambutan Hari Antartika 2025 menjadi dorongan baharu untuk kita meningkatkan penyelidikan, memperkukuh kerjasama dan memperluas kesedaran masyarakat demi masa depan bumi yang lebih lestari dan lebih terpelihara.

***SEKIAN, TERIMA KASIH.***

***WABILLAHIT TAUFIQ WAL HIDAYAH, WASSALAMU'ALAIKUM  
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.***